



BUDAYA MEMBACA DI MALAYSIA

Satu Tinjauan Terkini




Disunting oleh
Nor Faridah Abdul Manaf
Rohaiza Rokis
Wan Nur Madiha Ramlan



25/10/20
L12
RM40

BUDAYA MEMBACA DI MALAYSIA

Satu Tinjauan Terkini



Disunting oleh
Nor Faridah Abdul Manaf
Rohaiza Rokis
Wan Nur Madiha Ramlan



BUDAYA MEMBACA DI MALAYSIA

Satu Tinjauan Terkini



PUSTAKA PERDANA



1013626

Kenyang
2023

Cetakan pertama, Januari 2023
Hak cipta © Nor Faridah Abdul Manaf
Hak penerbitan © The Biblio Press

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Kenyalang adalah sebuah imprint Biblio Press

Diterbitkan oleh:

Kenyalang

(sebuah imprint The Biblio Press)

The Biblio Press Enterprise

G-2, Menara Mutiara Majestic,

15, Jalan Othman,

46000, Petaling Jaya,

Selangor.

Penyunting: Nor Faridah Abdul Manaf, Rohaiza Rokis,
Wan Nur Madiha Ramlan

Pembaca pruf: Fasehah Husna

Pereka sampul: Reham Abdul Raouf Baydoun

Pereka letak dan atur huruf: Raiha Bahaudin

Dicetak oleh:

Vinlin Press Sdn. Bhd.,

2, Jalan Meranti Permai 1,

Meranti Permai Industrial Park,

Batu 15, Jalan Puchong,

47100 Puchong, Selangor, Malaysia.

370

BUD



014-9470499



penerbitan@thebibliopress.com



thebibliopress.com



The Biblio Press




@bibliopress



@bibliopress



**Lautan ilmu tidak akan
berpenghujung walaupun
kita membaca
sebanyak-banyaknya.**



Kandungan

Bab 1		
Budaya Membaca Rakyat di Malaysia Alaf 21: Satu Perbandingan dengan Negara-Negara ASEAN		
<i>Nor Faridah Abdul Manaf</i>		9
Bab 2		
Mendorong Anak Minat Membaca: Satu Kajian Kes		
<i>Wan Mazwati Wan Yusoff</i>		41
Bab 3		
Memahami Psikologi anak-anak di dalam memupuk Budaya Suka Membaca		
<i>Mastura Badzis</i>		77
Bab 4		
Kepentingan Akses Bahan Bacaan di Kalangan Kanak-Kanak B40 dan Rentan di Malaysia: Satu Tinjauan		
<i>Wan Nur Madiha binti Ramlan</i>		109
Bab 5		
Pemeriksaan Politik Wanita Melalui Pembacaan		
<i>Rabi'ah Aminudin</i>		137
Bab 6		
Buku Teks Keusahawanan Sosial di Kalangan Kanak-kanak di Malaysia		
<i>Rohaiza Rokis</i>		165



Bab 7	
Budaya Membaca dalam Kalangan Remaja Sepanjang Pandemi di Malaysia	
<i>Rawdhah Paiz</i>	195
Bab 8	
Budaya Membaca Usahawan Berjaya	
<i>Rozailin binti Abdul Rahman</i>	225
Bab 9	
Peranan Perpustakaan Digital Sebagai Pemangkin ke Arah Budaya Membaca dan Memandaikan Masyarakat	
<i>Roslina Othman</i>	249
Bab 10	
Karyaku Dicuri? Tanda Idea Hebat atau Kepupusan Idea?	
<i>Ida Madieha Abdul Ghani Azmi</i>	285
Indeks	316

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Saudara Kiri Daren dari Biblio Press kerana memberi kami ruang dan sokongan berkongsi ilmu tentang budaya membaca di Malaysia dari pelbagai bidang dan disiplin. Buku ini juga membuat sedikit perbandingan di antara budaya membaca di Malaysia dan rantau ASEAN dan kami mengucapkan terima kasih kepada teman-teman dari negara-negara jiran yang telah bekerjasama berkongsi ilmu dengan kami.

Kami juga mengucapkan terima kasih kepada pembantu penyelidik kami Hasnah Abdul Kadir yang membantu kami di dalam penyiapan manuskrip ini. Kepada para penyumbang makalah ini yang rata-ratanya dari kluster penyelidikan WPRU (Women for Progress Research Unit, IIUM) dan rakan-rakan dari Universiti Islam Antarabangsa dari pelbagai Kulliyah, kami ucapkan penghargaan yang tidak terhingga kerana berkongsi ilmu dan kami harap buku ini akan dapat dimanfaatkan oleh pengkaji-pengkaji lain dan masyarakat umum di Malaysia dan rantau ASEAN.


Nor Faridah Abdul Manaf

Rohaiza Rokis

Wan Nur Madiha Ramlan

Gombak 2023





Bab 1

Budaya Membaca Rakyat di Malaysia Alaf 21: Satu Perbandingan dengan Negara-Negara ASEAN

Nor Faridah Abdul Manaf
faridah.manaf@gmail.com

Abstrak

ASEAN (The Association of Southeast Asian Nations) telah ditubuhkan dalam tahun 1967, dengan dianggotai oleh 10 buah negara di Asia Tenggara iaitu Brunei, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam, dengan Papua New Guinea dan Timor Leste sebagai negara-negara pemerhati. Dijangkakan menjelang 2050, rantau ASEAN akan menjadi pusat ekonomi keempat terbesar di dunia dengan kepadatan penduduk seramai lebih 622 juta orang. Berdasarkan kepada

informasi tersebut, makalah ini yakin bahawa pertambahan penduduk ASEAN perlu selari dengan tahap pemikiran yang tinggi di kalangan mereka. Ini dapat dicapai melalui budaya membaca yang tinggi. Objektif makalah ini ialah untuk mengkaji sejauh mana budaya membaca di kalangan rakyat di Malaysia, dengan membandingkan dengan negara-negara Asean yang lain. Ini penting bagi memastikan kesinambungan kepada tujuan asal Asean ditubuhkan iaitu untuk kestabilan politik, sekuriti, militari, pendidikan, budaya dan perkembangan ekonomi di rantau ini. Jika salah sebuah negara ini tidak stabil, mundur atau terbelakang, maka lambat laun, negara-negara jiran juga akan mendapat kesannya dengan pertambahan kes pelarian ekonomi dan politik, kedaifan, jenayah dan sebagainya yang merentasi negara-negara ASEAN. Justeru itu, akses kepada pendidikan amat penting. Salah satu kayu ukur menuju ke arah kecemerlangan pendidikan yang tinggi ialah mempunyai budaya membaca yang kukuh serta cintakan ilmu.

Kata kunci: budaya membaca; Malaysia; Asean; pendidikan; perbandingan negara

Pengenalan

Malaysia adalah salah satu dari lima negara awal yang terlibat di dalam penubuhan ASEAN di dalam tahun 1967. Kelima-lima negara itu termasuk Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand bersetuju pada peringkat awalnya untuk bekerjasama di dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan demi kestabilan di rantau ini. Lima negara di rantau ini kemudiannya masuk menganggotai ASEAN iaitu Brunei, Kemboja, Laos, Myanmar, Vietnam dengan Papua New Guinea dan Timor Leste sebagai negara-negara pemerhati. Menjelang 2050, rantau ini dijangka menjadi pusat ekonomi keempat terbesar di dunia dengan kepadatan penduduk seramai lebih 622 juta orang.

Namun, kemajuan sesebuah negara itu tidak harus diukur dengan pencapaian materialnya seperti tinggi-rendah atau sikit-banyak bangunan yang tinggi lagi gah. Tetapi ia

diukur dengan berapa ramai rakyatnya mempunyai ilmu yang mantap yang dapat membangunkan nilai-nilai manusiawi dan sebagai sebuah negara yang prinsipnya berteras kepada kepercayaan kepada Tuhan dan nilai-nilai yang dibawa oleh kepercayaan kepada agama. Semua ini tidak mungkin dapat dicapai jika rakyat tidak membaca. Tamadun itu terbentuk kerana ketinggian ilmu dan aplikasi ilmu itu yang dapat dimanfaatkan.

Makalah ini ingin memahami proses menuju ke arah tamadun tinggi tersebut, dengan mengkaji sejauh manakah budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia melalui perbandingan dengan negara-negara Asean yang lain. Ini penting bagi memastikan tujuan asal penubuhan ASEAN iaitu untuk kestabilan politik, sekuriti, militari, pendidikan, budaya dan perkembangan ekonomi di rantau ini. Jika salah sebuah negara ini tidak stabil, mundur atau terbelakang, maka lambat laun, negara-negara jiran juga akan mendapat tempas dengan kehadiran pelarian ekonomi dan politik dan sebagainya. Justeru itu, pendidikan menjadi salah satu indikator kecemerlangan negara. Penduduk yang mempunyai pendidikan yang tinggi adalah mereka yang mempunyai budaya membaca yang tinggi.

Pernyataan Masalah

Kajian menunjukkan rakyat Malaysia kurang membaca. Ini dibuktikan dengan pencapaian yang perlahan yang

ditunjukkan oleh Kajian Profil membaca Malaysia dari 2 buah buku setahun dalam laporan tahun 1996 kepada 8-12 buku setahun dalam laporan tahun 2005 dan 15 buah buku setahun dalam laporan tahun 2015 (PNM, 2005). Di dalam kajian yang lain mendapati secara purata, rakyat Malaysia membaca kurang daripada 3 jam seminggu (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2018). Masalah ini telah lama dikenal pasti, walaupun pelbagai usaha telah dilakukan bagi mencapai prestasi budaya pembacaan yang lebih tinggi. Adakah kita gagal? Makalah ini membuat perbandingan budaya membaca di beberapa negara ASEAN yang lain dan mencari sebab mengapa kita boleh dianggap gagal di dalam mempertingkatkan prestasi budaya membaca kita di Malaysia.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. untuk mengkaji sejauh manakah budaya membaca di kalangan rakyat di Malaysia dibandingkan dengan beberapa negara-negara ASEAN yang lain.
2. untuk melihat keberkesanan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pelbagai pihak kerajaan dan bukan kerajaan di dalam usaha memupuk budaya membaca di Malaysia
3. untuk mengkaji beberapa contoh negara ASEAN yang berjaya meningkatkan prestasi budaya membaca di kalangan rakyat mereka.

Tinjauan Literatur

Kajian tentang budaya membaca ini sudah banyak dibuat dan ditulis namun perbandingan pencapaian budaya membaca di Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain sangat sedikit malah sukar ditemui.

Shahrom TM Sulaiman dan Saiful Farik Mat Yatin (2011) menulis satu kertas kerja mengenai “Senario Budaya Membaca di Malaysia: Isu dan Cabaran” yang membangkitkan hal-hal yang berkaitan dengan industri buku di Malaysia, kejayaan Perpustakaan Negara Malaysia dalam menjalankan kempen Bersama dengan organisasi bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan yang lainnya bagi menggalakkan minat dan budaya membaca, telah mendapati bahawa terdapat peningkatan di dalam kunjungan ke perpustakaan, pinjaman buku dan juga penjualan buku-buku yang meningkat setiap tahun, terutama ketika pra-pandemik Covid-19. Tulisan Zainal Rashid Ahmad (2020) bertajuk “KLWBC 2020: Sekilas Fakta Peranan Buku Dan Budaya Membaca” lebih kritikal tentang prestasi Malaysia sebagai pembeli buku yang antara tertinggi di dunia. Beliau menyentuh sedikit pencapaian negara-negara maju yang lain seperti Jepun tetapi tiada perbandingan dengan mana-mana negara ASEAN.

Begitu juga tulisan dan kajian-kajian yang lain yang berbentuk lokal seperti Rahyu Imrani (2020) di dalam kajiannya “Kajian Minat dan Tabiat Membaca Dalam Kalangan Pelajar SMK Sungkai, Perak” yang mengesahkan bahawa pada peringkat mikro, di mana rakyat Malaysia

tidak minat membaca, dan jika mereka membaca, mereka lebih banyak membaca fiksi daripada buku ilmiah atau yang berbentuk sains dan teknologi, mahupun yang berbentuk agama atau sejarah.

Metodologi

Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini berbentuk kualitatif dengan menganalisa makalah-makalah, laporan-laporan *rankers* tentang kedudukan negara membaca atau literasi penduduk, laporan-laporan akhbar dan buku-buku yang berkaitan dengan budaya membaca.

Perbandingan pencapaian beberapa negara ASEAN yang terpilih juga dibuat supaya pencapaian Malaysia dapat diukur dan strategi masa depan mungkin dapat dipertimbangkan.

Dapatan Kajian

Dari sumber-sumber di atas, terdapat perubahan di dalam budaya membaca di Malaysia tetapi perubahan ini sangat perlahan jika dibandingkan dengan Thailand atau Filipina. Bagaimanapun dari segi yang lain, pencapaian belian buku Malaysia amat cemerlang. Ia di tangga ke 6 dunia di belakang Turki, Russia, Sepanyol, Thailand dan Romania (Picodi 2019). Bagaimanapun, Zainal Rashid Ahmad (2020) berpendapat bahawa budaya membeli tidak sama dengan budaya membaca dan ini disahkan oleh kajian-kajian yang lain di mana kadar membaca rakyat Malaysia hanyalah 15-

20 buah buku setahun. Malaysia berada di tangga 53 di dalam kajian Universiti Central Connecticut State (2016) mengenai Masyarakat Paling Berliterasi di Dunia 2016 (*The World's Most Literate Nation*) yang melibatkan 61 buah negara.

Di dalam satu kajian yang lain mendapati rakyat Malaysia tidak minat membaca dari peringkat sekolah rendah, peringkat universiti sehingga masyarakat awam dan mereka membaca hanya untuk mendapatkan maklumat dan biasanya dari laman-laman sawang. Buku-buku yang paling banyak dibaca adalah berbentuk fiksyen (Rahyu Imrani 2020; Ab Latip Idris 1992; Kamarulzaman Abdul Ghani & Wan Sakiah Wan Ngah 2018).

Bagaimanapun, pihak kerajaan dan agensi-agensi yang bertanggungjawab yakin dengan keperluan untuk memupuk budaya membaca secara konsisten di kalangan masyarakat Malaysia. Budaya membaca perlu dipertingkatkan. Perbincangan seterusnya mengupas secara terperinci dapatan-dapatan di atas ini dan mencari jalan keluar bagaimana kita boleh mempercepatkan usaha kita memupuk budaya membaca di Malaysia.

Kadar literasi Malaysia bagi umur 15 tahun ke atas pada tahun 2018 ialah 94.85%. Telah berlaku penurunan sebanyak 0.23% dari tahun 2017 (macrotrends.net 2021). Laporan UNESCO 2017 mendapati penurunan terus berlaku bagi yang berumur di bawah 15 tahun.

Kajian yang turut dilakukan oleh PISA atau Programme for International Student Assessment adalah sebuah program berkala oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang menilai kemahiran pelajar berumur 15 tahun di seluruh dunia di dalam kebolehan membaca, mendalami ilmu matematik dan sains serta kemahiran mengatasi cabaran kehidupan. Laporan PISA 2018 mendapati bahawa kebolehan membaca bagi pelajar yang berumur 15 tahun menempatkan Malaysia hanya berada di tangga ke-62. Dibandingkan dengan negara ASEAN yang lain, Malaysia hanya berada di kedudukan ketiga selepas Singapura yang berada di tangga ke 11 dan Brunei di tangga 47 pada keseluruhan PISA 2018.

OECD berpendapat bahawa elemen-elemen ini yang menekankan pemikiran kritikal dan kreatif penting dalam menentukan hala tuju pendidikan pelajar dan sesebuah negara itu. Dalam pada itu, kadar literasi bagi UNDP (2018) bagi golongan yang berumur 15 tahun dan ke atas juga menempatkan Malaysia di tempat yang sama di tangga ke-62 dan yang ketiga di negara-negara ASEAN selepas Singapura dan Brunei.

Dua tahun sebelum ini dalam tahun 2016, Universiti Central Connecticut State mengeluarkan ranking Masyarakat Paling Berliterasi di Dunia (The World's Most Literate Nation) dengan melibatkan 61 buah negara. Kajian literasi ini melibatkan lima pemboleh ubah yang penting iaitu berkenaan langganan surat khabar, kadar jumlah

perpustakaan dan pinjaman buku, input dan output sistem pendidikan serta kadar celik tentang komputer. Melalui kajian ini, Malaysia ditempatkan di tempat ke-53. Dalam kalangan Asia Tenggara, Malaysia berada di tempat kedua di belakang Singapura (36), namun sedikit ke hadapan berbanding Thailand (59) dan Indonesia (60) (*The World's Most Literate Nations*, n.d.).

Negara-negara ASEAN lain pula tidak dipilih dalam kajian ini jadi agak sukar untuk membandingkan pencapaian Vietnam misalnya yang mempunyai kedudukan pendidikan yang dilihat kompetitif. Bagaimanapun laporan Chao Hanoi (2020) menunjukkan bahawa walaupun Vietnam menduduki tempat pertama di kalangan negara-negara di rantau Asia Tenggara sebagai yang paling banyak menerbitkan buku dalam setahun, iaitu 440 juta naskah diterbitkan dalam tahun 2019 di mana 37 ribu adalah judul baru, namun rakyatnya dikatakan membaca hanya sebuah buku seorang setahun (Chao Hanoi 2020).

Statistiks mengenai literasi ini penting bagi sesebuah negara kerana ia memaparkan pembudayaan amalan membaca dalam masyarakat tersebut. Selain daripada itu, menurut sebuah syarikat talian Picodi dari Poland (Picodi, 2019) Malaysia menduduki tangga ke-6 sebagai masyarakat yang paling banyak berbelanja untuk buku bagi tahun 2018. Picodi ialah sebuah syarikat e-perniagaan dari Poland bertaraf antarabangsa yang membantu para pelanggan menjalankan aktiviti-aktiviti jual beli di syarikat e-perniagaan

yang besar yang lain termasuk di Malaysia seperti MPH Online, Lazada dan Shopee. Kajiselidik itu dijalankan merangkumi 7,800 peserta melibatkan 41 buah negara termasuk Malaysia. Berdasarkan dapatan tersebut, 76% rakyat Malaysia berbelanja paling kurang 1 buku setahun. Malaysia menduduki tempat kedua selepas Thailand di dalam kedudukan di Asia Tenggara. Filipina pula di tangga ke-19, Indonesia di tangga ke-25, Vietnam di tangga ke-35, dan Singapura di tangga terakhir iaitu 41 (Picodi, 2019).

Dalam bentuk format buku yang dikehendaki pula, Picodi (2019) melaporkan yang peratusan paling tinggi iaitu sebanyak 54% daripada calon ditemuduga gemar membeli buku fizikal di kedai maya, 45% meminati pembelian buku fizikal di kedai fizikal, 32% memilih mendapatkan buku secara sumber percuma, 15% meminati pembelian buku-e dan 15% lagi meminati langganan berbayar.

Dari sudut genre pula, dapatan dari Picodi (2019) ialah 76% meminati buku fiksyen, 53% meminati buku berkaitan hobi dan minat, 36% meminati buku bukan fiksyen, 18% meminati buku kajian saintifik dan buku teks, 18% meminati buku perniagaan dan 15% meminati buku sains popular.

Di samping itu, NOP World Culture Score Index 2016 mengkaji jumlah bacaan yang diperuntukkan oleh seseorang dalam seminggu di 30 buah negara yang terlibat. Terdapat tiga buah negara ASEAN yang diambil kira dalam kajian ini iaitu Thailand yang menduduki tempat

ke-2; Filipina pula di tempat ke-4; manakala Indonesia di tempat ke-17. Malangnya Malaysia, Brunei dan Singapura tidak pula termasuk dalam kajian ini. Kajian ini mendapat beberapa kritikan yang berkontroversi kerana metodologinya dipersoalkan kesahihannya sehingga menempatkan negara-negara maju yang lain jauh ke bawah seperti Sweden (8), Perancis (9), Hungary (10), Hong Kong (12), Australia (16) dan USA (23) (McCarthy, 2016).

Perbincangan

Dapatan daripada semua kajian ini dapat disimpulkan yang pertama-tamanya, budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia adalah masih belum meluas. Keputusan kedudukan Masyarakat Paling Berliterasi di Dunia pada tahun 2016 tersebut menunjukkan yang Malaysia, sekalipun berada di tempat kedua di negara-negara Asia Tenggara, jauh ditinggalkan oleh negara-negara lain.

Keduanya, rakyat Malaysia menunjukkan minat yang mendalam dalam pembelian buku-buku secara talian seperti yang dipamerkan dalam kajian oleh Picodi (2019) merangkumi capaian e-dagang yang terkemuka seperti MPH Online, Lazada dan Shopee. Malaysia, dalam hal ini berada di tangga kedua selepas Thailand dalam kelompok negara-negara Asia Tenggara. Walau bagaimanapun seperti yang dinyatakan oleh Zainal Rashid Ahmad (2020) pembelian buku tidak menunjukkan pembacaan buku kerana tujuan

membeli buku itu kadangkala berkaitan dengan ego yang ingin menonjolkan identiti sebagai seorang intelektual atau seorang pembaca. Di dalam tulisannya bertajuk “KLWBC 2020: Sekilas Fakta Peranan Buku Dan Budaya Membaca”, beliau sangat kritikal tentang prestasi Malaysia sebagai pembeli buku yang antara tertinggi di dunia. Ini menunjukkan, sekalipun terdapat pembelian yang tinggi, ia masih belum dapat diterjemahkan dalam bentuk pembudayaan pembacaan dalam kalangan rakyat Malaysia dengan baik.

Sebelum itu, pada tahun 2015, Perpustakaan Negara Malaysia mengeluarkan laporan Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014. Dapatan kajian tersebut menyatakan bahawa rakyat Malaysia membaca hanya sekitar 15 buah buku setahun berbanding amalan negara-negara maju sebanyak 40 buah buku setahun. Walaupun begitu, ia merupakan sebuah peningkatan berbanding hanya dua buah buku setahun bagi tahun 2005.

Kajian yang lain pula menunjukkan yang secara purata, rakyat Malaysia membaca kurang daripada 3 jam seminggu (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2018). Kajian ini turut menunjukkan yang bahan bacaan pilihan rakyat Malaysia ialah majalah (62.8 peratus); akhbar (61.2 peratus); buku ilmiah (54.8 peratus); novel dan fiksiyen (47 peratus); bahan dalam talian (46.4 peratus); buku bukan fiksiyen (29.9 peratus); komik (25.3 peratus) dan jurnal (19.9 peratus) (Yusop, 2017).

Walaupun demikian pada tahun 2018, UNESCO mengambil pencalonan DBP untuk mengiktiraf Malaysia sebagai Kota Buku Dunia 2020. UNESCO dalam kenyataan di laman webnya berkata, keputusan yang diumumkan oleh Ketua Pengarahnya, Audrey Azoulay itu berdasarkan saranan Jawatankuasa Penasihat Kota Buku Dunia. Kata Audrey, "Ibu kota itu dipilih kerana fokus yang tinggi terhadap pendidikan yang inklusif, pembangunan masyarakat berasaskan pengetahuan dan kebolehcapaian membaca kepada segenap populasinya." Dengan slogan '*KL Baca – Caring Through Reading*', program menumpukan empat tema, iaitu membaca dalam semua bentuk, pembangunan infrastruktur industri buku, inklusif dan akses digital dan pemberdayaan kanak-kanak melalui membaca. Namun dalam kalangan negara Asia Tenggara, Thailand mendahului Malaysia dengan memperoleh anugerah tersebut pada tahun 2013 (Yaakub, 2018).

Bagi jumlah penerbitan buku dan keuntungannya, Kumpulan Penerbit Antarabangsa (International Publishers Association) mengelaskan Malaysia di tempat ketiga dengan keuntungan sebanyak 263 juta Euro bagi tahun 2019. Indonesia pula di tempat pertama dengan keuntungan sebanyak 415 juta Euro, Thailand di tempat kedua (414 juta Euro), Singapura di tempat keempat (230 juta Euro) dan Filipina di tempat kelima (139 juta Euro) (International Publishers, 2019).

Secara keseluruhan, Malaysia berjaya menambahkan banyak amalan membaca daripada hanya dua buah buku

setahun kepada 15 buah buku setahun, sekalipun masih jauh ketinggalan daripada amalan-amalan negara maju. Perbincangan berikutnya akan melihat pencapaian negara-negara ASEAN yang lain.

Indonesia

Indonesia mencapai tahap literasi atau kadar bukan buta huruf yang tinggi bagi golongan berumur 15 tahun ke atas menurut UNDP. Pada tahun 2018, UNDP menempatkan Indonesia di tangga ke 107 daripada 189 buah negara. Dalam kalangan negara ASEAN, ia merupakan tempat yang ke-5 selepas Singapura, Brunei, Malaysia dan Thailand.

Pada masa tahun yang sama juga, PISA (2018) melaporkan kadar literasi pelajar Indonesia yang berumur 15 tahun adalah berada pada tangga ke 107 daripada 189 jumlah negara. Kedua-dua ini merupakan jauh lagi rendah berbanding negara serantau lain seperti Malaysia yang berada di tangga ke-62 bagi kedua-dua UNDP dan PISA bagi tahun tersebut.

Kajian dari Universiti Central Connecticut State mengeluarkan kedudukan Masyarakat Paling Berliterasi di Dunia 2016 (The World's Most Literate Nation 2016) dan mendapati Indonesia berada di tempat kedua terakhir di tangga ke-60 daripada kesemua 61 negara yang dikaji (The World's Most Literate Nations, n.d.). Kedudukan tersebut adalah yang terakhir dalam kalangan negara ASEAN dengan

hanya empat negara ASEAN yang diambil kira dalam kajian ini iaitu Singapura (36), Malaysia (53) dan Thailand (59).

Oleh hal yang demikian, Indonesia menerima banyak kritikan daripada rakyatnya sendiri berkenaan kadar literasi dengan jurang luas yang sudah tentu memaparkan budaya membaca yang kurang. Ini diakui sendiri oleh Menteri Kewangan negara tersebut, Sri Mulyani Indrawati bahawa Indonesia memerlukan 45 tahun untuk mengejar literasi membaca dengan negara-negara maju. Beliau juga dengan berkata, *"Itu hanya untuk yang kemampuan membaca. Kalau Sains dibutuhkan 75 tahun untuk bisa mengejar ketertinggalan bila sistem pendidikan kita masih kayak gini,"* (Indriantari, 2017).

Bagi bilangan buku yang dibaca, Sekolah Perniagaan dan Pengurusan dari Institut Teknologi Bandung melaporkan bahawa penduduk Indonesia secara purata hanya membaca sebanyak 0 -1 buah buku setahun. Di samping itu, dapatan dari UNESCO tahun 2012 pula mendapati minat membaca dalam kalangan rakyat Indonesia hanya 0.001 peratus. Ia bermaksud daripada sebanyak 1000 penduduk, hanya seorang yang mempunyai minat untuk membaca (School of Business and Management, n.d.).

Bagi jumlah penerbitan buku dan keuntungannya, Kumpulan Penerbit Antarabangsa (International Publishers Association) mengelaskan Indonesia di tempat pertama dengan keuntungan sebanyak 415 juta Euro bagi tahun

2019 (International Publishers, 2019). Penerbitan yang banyak ini seringkali diterjemahkan sebagai budaya membaca yang kian melonjak naik dengan pesat dalam kalangan rakyat Indonesia, tetapi pengalaman Malaysia dan Vietnam mungkin menunjukkan bahawa penerbitan yang tinggi tidak boleh dilihat sebagai budaya membaca sudah berakar umbi di dalam masyarakat itu. Apatah lagi dengan kadar literasi Indonesia masih jauh ketinggalan dari Malaysia dan Singapura.

Tidak semua rakyat mempunyai kemampuan untuk membeli buku dan masa untuk membacanya kerana peratus rakyat masih memikirkan soal-soal asas berhadapan dengan kemiskinan

Singapura

Singapura sebagai sebuah negara maju juga mempunyai rekod literasi yang jauh lebih baik berbanding negara-negara jirannya. Kajian dari Universiti Central Connecticut State mengeluarkan kedudukan Singapura di tangga ke 36 di dalam senarai Masyarakat Paling Berliterasi di Dunia 2016 (The World's Most Literate Nation 2016). Tangga tersebut merupakan tangga pertama dalam keseluruhan negara-negara ASEAN (The World's Most Literate Nations, n.d.).

Kadar literasi PISA (2018) pula menempatkan Singapura di tangga ke-11. Ia jauh meninggalkan negara-negara yang lain termasuk Brunei (47) dan Malaysia (62) sekalipun Brunei dan Malaysia kedua-duanya menempatkan

diri di tempat kedua dan ketiga dalam kumpulan negara-negara ASEAN.

Kadar literasi bagi UNDP (2018) bagi golongan yang berumur 15 tahun ke atas menempatkan Singapura di tempat ke-11 dan pertama dalam kalangan negara-negara ASEAN. Badan Perpustakaan Negara Singapura (BPNS) memainkan peranan yang aktif dalam menyediakan laporan berkenaan tabiat membaca rakyatnya, berbanding badan perpustakaan Malaysia dan Indonesia. Badan ini melaporkan pada tahun 2018 yang secara purata, 89% orang dewasa di Singapura membaca paling kurang 30 minit dalam seminggu pada hari-hari kebiasaan berbanding hanya 80% pada tahun 2016. Budaya membaca daripada buku fizikal kepada e-buku juga berubah dengan drastik. Pada tahun 2016, hanya 41% rakyat Singapura dewasa yang membaca e-buku namun kemudian melonjak kepada 55% pada tahun 2018 (National Library Board Singapore, 2018).

Ia adalah berbeza dengan pembacaan buku fizikal. Pada tahun 2016, terdapat seramai 95% peratus rakyat dewasa Singapura yang memilih buku fizikal, namun ia semakin berkurang dengan hanya 89% pada tahun 2018.

Bagi kategori remaja Singapura berumur daripada 13-19 tahun, terdapat sebanyak 89% rakyat remaja Singapura memperuntukkan paling kurang 30 minit seminggu untuk membaca pada hari-hari kebiasaan. Ia adalah meningkat berbanding hanya sebanyak 79% pada tahun 2016 (National Library Board Singapore, 2018).

Namun, dari sisi arah bentuk (trend) membaca, terdapat peningkatan berlaku dalam pemilihan e-buku berbanding buku fizikal. Pada tahun 2016, 96% rakyat remaja Singapura memilih buku fizikal, namun berkurang kepada 93% pada tahun 2018. Bagi kategori e-buku, sebanyak 42% rakyat remaja Singapura memilih e-buku pada tahun 2016 sebelum ia melonjak kepada 57% pada tahun 2018.

Usaha yang dijalankan oleh BPNS bagi mengkaji kajian tabiat membaca bermula selepas satu dapatan daripada Majlis Kesusasteraan Negara (National Arts Council) yang menjalankan kaji selidik literasi dan budaya membaca pada tahun 2015. Kaji selidik itu mendedahkan yang hanya empat daripada sepuluh rakyat Singapura yang membaca paling kurang sebuah buku atau bahan bacaan dalam tempoh setahun yang lalu. Hal ini disebabkan rakyat Singapura mendakwa mereka terlalu sibuk dalam tugas harian hingga berasakan kurang masa untuk membaca. Ini seiring dengan dapatan bahawa Singapura pada tahun 2020 dinobatkan bandar kedua paling mempunyai waktu kerja yang tinggi yang tidak seimbang dengan waktu-waktu yang lain, di belakang bandar Hong Kong. Bandar Kuala Lumpur pula ditempatkan di tempat ke-4 sebagai bandar yang mempunyai waktu bekerja paling tinggi yang tidak seimbang dengan waktu-waktu yang lain.

Dapatan berkenaan jenis buku yang digemari oleh penduduk Singapura menunjukkan yang buku fiksyen menjadi buku yang diminati terbanyak sebanyak 63%, buku

"Bagaimana sibuk sekalipun, anda mesti mencari masa untuk membaca, jika tidak anda akan kalah dengan jalan kejahilan yang anda pilih sendiri."

~ Confucius

Budaya Membaca di Malaysian: Satu Tinjauan Terkini merupakan hasil penelitian ilmiah tentang budaya membaca di Malaysia dari pelbagai perspektif. Terdapat pelbagai penulisan yang merangkumi budaya membaca dari sudut ekonomi, sosial, psikologi dan gender. Terdapat juga penilaian tentang isu-isu yang berkait rapat dengan budaya membaca seperti isu akses kepada bahan bacaan dan peranan perpustakaan. Buku ini dapat membantu memberi gambaran terkini kepada para penyelidik dan penggubal dasar budaya membaca di Malaysia.

Malaysia kini menghampiri halangan yang terakhir tetapi paling sukar dalam mengecapi kekayaan dan kemakmuran ekonomi; iaitu dalam membentuk sebuah masyarakat berasaskan pengetahuan yang dianggotai oleh rakyat yang berfikiran kreatif, kritikal dan inovatif. Hasrat murni ini harus diletakkan sebagai tanggungjawab bersama oleh setiap individu. Tabiat membaca mampu dapat mempertingkatkan status sosio-ekonomi diri demi merealisasikan impian Malaysia untuk menjadi negara maju dan bersaing tinggi.

NOR FARIDAH ABDUL MANAF merupakan mantan Profesor Sastera Inggeris di Universiti Islam Antarabangsa. Beliau mendapat pendidikan BA (Hons) di Universiti Waikato, New Zealand, MA di Universiti Liverpool, United Kingdom dan PhD dari Universiti Flinders, Australia. Kajian beliau banyak menjurus kepada isu sastera pasca-kolonial, sastera wanita dan sastera Islam yang ditulis di dalam Bahasa Inggeris.

ROHAIZA ROKIS merupakan Profesor Madya di Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau mendapat Ijazah Kedoktoran dari Universiti Bristol, England; Ijazah Sarjana dari Universiti Stirling, Scotland; dan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kajian beliau banyak menjurus kepada isu keusahawanan sosial dan kitar semula serta isu gender.

WAN NUR MADIHA BINTI RAMLAN merupakan Penolong Profesor di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (Kepujian) dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris (UIAM), Ijazah Sarjana dalam bidang Kesusasteraan Inggeris dari UIAM, dan Ijazah Doktor Falsafah dari University of Adelaide di Australia. Bidang beliau banyak menjurus kepada sastera Australia dan pasca-kolonial.



HARGA: RM40

ISBN 978-967-0040-34-9



9 789670 040349